



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 40/2024

PROGRAM KLAS RENANG DIPERLUASKAN KE PERINGKAT PARLIMEN KOTA MELAKA

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah menyempurnakan **Majlis Pelancaran Program Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang) Peringkat Parlimen Kota Melaka Tahun 2024** bertempat di **RNJ Swimming Academy, Kota Laksamana, Melaka** hari ini.
2. Majlis turut dihadiri oleh **Ahli Parlimen Kota Melaka, YB Khoo Poay Tiong, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Encik Abd Aziz Abd Rahman.**
3. **KLAS Renang** merupakan inisiatif KBS menerusi JBSN bagi mengurangkan kadar kematian akibat lemas. Inisiatif ini telah dilancarkan pada 13 Mei 2023 dan dijalankan secara **PERCUMA** akan memberikan pendedahan kepada **kumpulan sasar berkenaan teknik asas berenang**. Berbekalkan teknik tersebut, peserta dapat meningkatkan ilmu tentang kaedah berenang yang betul dan selamat, serta mengatasi ketakutan dalam air serta mampu menyelamatkan nyawa mereka.
4. KBS menyambut baik hasrat **YB Khoo Poay Tiong** untuk memperluaskan jangkauan program **KLAS Renang** ini ke **Parlimen Kota Melaka**. Program yang menggunakan peruntukan Parlimen Kota Melaka ini dijalankan **dengan sokongan dan kerjasama JBSN serta Persatuan Perenang dan Jurulatih Renang Malaysia (MASWIM).**
5. Sebanyak enam **(6) sesi latihan** akan dijalankan pada setiap hujung minggu **bermula 13 Julai 2024**. Peserta terdiri daripada **kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun daripada keluarga B40** dengan perincian seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH (ORANG)
1.	Lelaki	24
2.	Wanita	20
JUMLAH		44

6. Untuk peringkat kebangsaan, **KLAS Renang Fasa 1** telah selesai **di 38 buah lokasi** seluruh negara **dengan penyertaan keseluruhan seramai 1,572 orang**. Fasa ini telah berlangsung dari bulan April hingga Jun yang merangkumi **tiga (3) kategori** iaitu kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun daripada keluarga B40, orang kurang upaya (OKU) yang berumur 6 hingga 15 tahun dan warga emas yang berumur 60 hingga 75 tahun.
7. Pada masa ini, JBSN sedang menjalankan proses pemilihan peserta bagi mengikuti program **KLAS Renang Fasa 2 Tahun 2024** yang dijadualkan **akan bermula pada 27 Julai 2024 di 39 lokasi di seluruh negara**. Orang ramai dijemput untuk memohon menerusi portal JBSN, **www.jbsn.gov.my**.
8. Semoga penganjuran KLAS Renang dapat **memperkasakan hasrat KBS** untuk **membudaya dan merakatkan sukan** selaras dengan aspirasi di bawah **Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)** dan kerangka **Malaysia MADANI**.
9. Untuk sebarang maklumat lanjut atau cadangan kerjasama, orang awam boleh menghubungi JBSN melalui talian **03-8871 3415** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

13 Julai 2024